

هونغ ليونغ م.س.أ.ج تكافل



HongLeong

MSIG Takaful



i-CARE RAHMAT

Pelan yang memenuhi keperluan
perlindungan dan simpanan anda

Hubungi pusat pelanggan perkhidmatan kami di 03-7650 1800
Lawati www.hlmtakaful.com.my



Jangka hayat rakyat Malaysia semakin meningkat! Jangka hayat ini akan terus meningkat setiap tahun dan perangkaan ini telah mencapai 75 tahun pada tahun 2017 seperti yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Untuk menyokong statistik ini, kami dengan ini menawarkan i-Care Rahmat kepada anda, iaitu pelan takaful berkaitan pelaburan sumbangan berkala yang mana menasaskan kepada keseimbangan antara perlindungan dan simpanan.

MENGAPA *i*-CARE RAHMAT?

PERLINDUNGAN DAN SIMPANAN DALAM 1 PELAN

- ◆ Perlindungan bagi manfaat kematian sehingga umur 100 tahun dan bagi manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD) sehingga umur 65 tahun. Pada akhir tempoh perlindungan TPD, manfaat untuk Hilang Upaya Usia Tua (OAD)¹ akan melindungi anda sehingga tempoh matang pelan ini.
- ◆ Kumpul simpanan anda dengan memilih dana berkaitan pelaburan kami bergantung kepada penerimaan risiko anda.
- ◆ Tingkatkan perlindungan anda dengan memilih rider bagi memenuhi semua keperluan perlindungan anda.

PENERIMAAN NILAI MATANG

Anda akan menerima nilai matang, iaitu nilai akaun² anda, pada akhir tempoh pelan ini.

MEMENUHI KEWAJIPAN AGAMA ANDA

Kami juga menawarkan perkhidmatan nilai tambah seperti Badal Haji, Wakaf Al-Quran dan Korban untuk membantu umat Islam dalam memenuhi kewajipan agama mereka.

FLEKSIBILITI

- ◆ Anda boleh menambah atau mengeluarkan nilai akaun anda pada bila-bila masa.
- ◆ Sebagai tambahan, anda boleh menukar dana anda pada bila-bila masa yang anda mahu tanpa sebarang kos.

BAYARAN UNIT BONUS SEBAGAI HIBAH HADIAH)

Bermula tahun ke-tujuh dan berikutnya di dalam sijil anda, unit bonus sehingga 0.2% daripada nilai akaun akan ditambah ke dalam Akaun Pelaburan Peserta pada setiap ulang tahun sijil.

AGIHAN LEBIHAN BERPOTENSI

Sebarang lebihan daripada Dana Risiko Peserta akan dikongsi di antara anda dan kami dalam nisbah 50:50. Bahagian anda akan diperuntukkan sebagai unit tambahan ke dalam dana berkaitan pelaburan anda .

¹. Perlindungan manfaat OAD bermula daripada umur 66 sehingga 100.

². Nilai akaun bergantung kepada harga unit, dimana ia akan naik atau turun berdasarkan prestasi dana berkaitan pelaburan dan tidak dijamin.

* HLM Takaful dianugerahkan "Anugerah Mesra Pengguna 2017" oleh Lembaga Pelindung dan Kebajikan Pengguna Malaysia (LPKPM) di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan pada 10 Februari 2017.

APAKAH YANG ANDA PERLU TAHU MENGENAI PELAN INI?

1. KELAYAKAN

Umur Kemasukan	30 hari sehingga 70 tahun
Umur Tamat Tempoh	100 tahun
Minimum Jumlah Dilindungi	RM10,000
Maximum Jumlah Dilindungi	Tertakluk kepada pengunderaitan
Frekuensi pembayaran	Bulanan, suku-tahunan, separuh-tahunan atau tahunan

2. FLEKSIBILITI

Penukaran Antara Dana Berkaitan Pelaburan	Penukaran dibenarkan tanpa had dan tanpa sebarang caj.
Pengeluaran	Pengeluaran separa daripada Akaun Pelaburan Peserta adalah dibenarkan tertakluk kepada pengeluaran minimum sebanyak RM500. Minimum nilai akaun selepas pengeluaran ialah RM1,000

3. JENIS DANA

1. Akaun Pelaburan Peserta (PIA)

Sumbangan yang telah dibayar selepas ditolak Yuran Wakalah akan ditukarkan ke dalam bentuk unit dana berkaitan pelaburan pilihan anda dan diperuntukkan ke dalam PIA. Kami akan mengurus dan melabur PIA, menurut terma dan syarat sijil. Nilai dana berkaitan pelaburan adalah berdasarkan prestasi sebenar dan pulangan pelaburan adalah tidak dijamin. Dalam pelan ini, kami menawarkan Dana HLMT i-Income, Dana HLMT i-Balanced dan Dana HLMT i-Equity. Risiko pelaburan ke atas dana berkaitan pelaburan ditanggung sepenuhnya oleh anda. Sila rujuk Helaian Fakta Dana untuk penerangan asas pelaburan dan risiko yang berkaitan setiap dana.

2. Dana Risiko Peserta (PRF)

Secara bulanan, Tabarru' yang telah ditentukan berdasarkan umur orang dilindungi, jantina, jumlah yang berisiko dan faktor lain yang terpakai, akan ditolak daripada PIA (melalui pembatalan unit) ke dalam PRF untuk menyediakan perlindungan Takaful di bawah sijil ini. Manfaat Takaful ini dibayar daripada PRF. Sebarang lebihan dalam dana ini akan diagihkan 50% kepada kami dan baki 50% akan diagihkan dikalangan peserta yang layak dan bahagian anda akan diperuntukkan secara tahunan sebagai unit tambahan ke dalam PIA.

4. YURAN DAN CAJ

1. Yuran Wakalah

- ◆ Yuran Wakalah ialah sumbangan yang tidak diperuntukkan yang ditolak sebagai peratusan sumbangan sebagaimana yang dipaparkan di bawah, untuk membayar perbelanjaan dan kos pengedaran langsung, termasuk komisyen.
- ◆ Yuran Wakalah sebagai peratusan sumbangan berkala berskala dari 0% sehingga 65% bergantung kepada tempoh sumbangan dan tahun sijil.
- ◆ Yuran Wakalah untuk penambahan segera dan berkala ialah 5% daripada sumbangan.
- ◆ Sumbangan selepas ditolak Yuran Wakalah akan digunakan untuk membeli unit di dalam dana berkaitan pelaburan mengikut pilihan anda. Sebagai contoh, anggarkan sumbangan tahunan anda ialah RM 3,000, peruntukan sumbangan anda adalah seperti berikut:

Tahun Sijil	Tahun Pertama	Tahun ke-2	Tahun ke-3	Tahun ke-4	Tahun ke-5	Tahun ke-6	Tahun ke-7 & seterusnya
Yuran Wakalah	65%	65%	45%	25%	15%	15%	0%
	RM 1,950	RM 1,950	RM 1,350	RM 750	RM 450	RM 450	-
Peruntukan Sumbangan	35%	35%	55%	75%	85%	85%	100%
	RM 1,050	RM 1,050	RM 1,650	RM 2,250	RM 2,550	RM 2,550	RM3,000

2. Yuran Perkhidmatan Bulanan*

Yuran Perkhidmatan Bulanan sebanyak RM5 akan ditolak daripada nilai akaun (melalui pembatalan unit yang secukupnya pada harga unit) setiap bulan. Caj ini adalah untuk pengendalian dan perkhidmatan sijil anda.

3. *Tabarru'* Bulanan*

Kadar *Tabarru'* tidak dijamin dan adalah berdasarkan umur dan janitina orang dilindungi dan peserta.

4. Yuran Pengurusan Dana*

Yuran ini dicaj daripada peratus nilai akaun seperti berikut untuk menguruskan dana bagi pihak peserta.

- ◆ 1.00% untuk Dana HLMT i-Income
- ◆ 1.25% untuk Dana HLMT i-Balanced
- ◆ 1.50% untuk Dana HLMT i-Equity

Nota :

Sila rujuk kepada Manfaat Illustrasi yang disediakan dan berbincang dengan ejen kami tentang yuran dan caj khusus.

*Kami berhasrat untuk menyemak semula yuran dan caj dengan memberikan notis bertulis sembilan puluh (90) hari sebelum ulangtahun sijil yang berikutnya kepada peserta.

5. PENGECUALIAN

- ◆ Manfaat Kematian tidak akan dibayar kecuali daripada nilai akaun sekiranya kematian berlaku secara langsung atau tidak langsung akibat bunuh diri di dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh kuatkuasa sijil.
- ◆ Tiada Manfaat TPD atau OAD akan dibayar disebabkan oleh sebarang keadaan/kecederaan/peristiwa yang berlaku secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh kecederaan diri sendiri yang disengajakan ketika siuman atau tidak siuman, di bawah pengaruh alkohol, narkotik atau dadah, aktiviti penerbangan sendiri, perkhidmatan ketenteraan, peperangan, tindakan keganasan, tindakan jenayah, aktiviti dan sukan yang berbahaya dan yang seumpama dengannya.

Nota:

Senarai ini adalah tidak lengkap dan tidak meliputi keseluruhan pengecualian. Sila rujuk sijil Takaful untuk mengetahui dengan lebih lanjut dan senarai penuh pengecualian.

6. PERKHIDMATAN NILAI TAMBAH



Badal Haji – bermaksud melaksanakan rukun Haji di Mekah bagi pihak mereka yang tidak dapat melaksanakan Haji dengan sendirinya disebabkan oleh penyakit, usia tua atau mati. Sekiranya berlaku kematian, TPD atau OAD sejumlah RM3,500.00 (ditolak dari manfaat Takaful yang perlu dibayar di bawah sijil anda) hendaklah dibayar kepada penyedia perkhidmatan Badal Haji yang dilantik oleh kami, untuk melaksanakan Haji bagi pihak anda.



Waqaf Al-Quran - bermaksud pemberian Al-Quran oleh seseorang melalui wasiat atau sebaliknya untuk tujuan kebajikan agama. Sekiranya berlaku kematian, TPD atau OAD sejumlah RM500.00 (ditolak daripada manfaat Takaful yang perlu dibayar di bawah sijil anda) hendaklah dibayar kepada pembekal perkhidmatan Wakaf yang dilantik oleh kami, untuk menjalankan "Ibadah Waqaf" bagi pihak anda.



Korban – bererti menjalankan "Ibadah Korban" termasuk pembelian dan penyembelihan binatang sembelihan seperti kambing, kambing biri-biri, lembu dan unta bagi pihak anda. Sekiranya berlaku kematian, TPD atau OAD sejumlah RM750.00 * (ditolak dari manfaat Takaful yang perlu dibayar di bawah sijil anda) hendaklah dibayar kepada penyedia perkhidmatan Qurban yang dilantik oleh kami.
* Tertakluk kepada harga pasaran tahunan semasa Qurban dijalankan.

SOALAN-SOALAN LAZIM

1. Apakah maksud Takaful?

Terma 'Takaful' merujuk kepada "satu skim yang berasaskan persaudaraan, perpaduan, dan saling membantu yang menyediakan bantuan dan pertolongan kewangan kepada peserta-peserta yang memerlukan di mana, para peserta bersetuju untuk membuat sumbangan atas tujuan tersebut".

2. Apakah itu i-Care Rahmat ?

i-Care Rahmat merupakan pelan Takaful berkaitan pelaburan sumbangan berkala yang menyediakan perlindungan dan simpanan dalam satu pelan. Pelan ini menyediakan perlindungan untuk manfaat Kematian, TPD dan OAD.. Untuk memperelok perlindungan anda, kami menyediakan pilihan rider yang boleh dilampirkan bersama pelan ini. Unit Bonus akan dibayar sebagai Hibah oleh kami ke dalam PIA bermula dari tahun ke-7 dan seterusnya. Selepas sijil matang, nilai akaun akan dibayar kepada peserta. Untuk Muslim, kami menyediakan pilihan perkhidmatan nilai tambah untuk membantu anda menunaikan tanggungjawab agama.

3. Apakah rider yang disediakan untuk memperelok perlindungan saya?

Berikut adalah rider yang ditawarkan di bawah pelan ini:

Rider	Penerangan
Medi-Auni	Menyediakan perlindungan perubatan lengkap untuk menguruskan bil perubatan tertakluk kepada terma dan syarat.
Living Care	Memastikan kesinambungan sijil ini dengan pengecualian sumbangan masa depan sekiranya berlaku kematian, TPD, OAD atau didiagnos mengalami salah satu daripada 36 Penyakit Kritikal.
Payor Care	Memastikan kesinambungan sijil ini dengan pengecualian sumbangan masa depan sekiranya berlaku kematian atau TPD kepada pembayar.
Top-Up Care	Memastikan kesinambungan pembayaran berkala dengan pengecualian sumbangan masa depan sekiranya berlaku kematian atau TPD.
Additional atau Accelerated Critical Illness Plus	Menyediakan perlindungan sekiranya didiagnos mengalami salah satu daripada 36 Penyakit Kritikal.
Waiver of Contribution on Critical Illness	Memastikan kesinambungan sijil sekiranya didiagnos mengalami salah satu daripada 36 Penyakit Kritikal.
Term (Payor) Plus	Menyediakan bantuan tambahan sekiranya berlaku kematian atau TPD
Hospital income Benefit	Menyediakan pendapatan harian apabila anda atau orang yang tersayang dimasukkan ke hospital.
Accidental Death and Dismemberment	Menyediakan perlindungan sekiranya berlaku kematian, kecacatan, TPD atau Hilang Upaya Separa dan Kekal (PPD) akibat kemalangan.
Accidental Medical Reimbursement Plus	Membayar semula perbelanjaan sebenar untuk rawatan perubatan, kemasukan ke hospital atau perkhidmatan kejururawatan yang disebabkan oleh kemalangan.
Weekly Indemnity Plus	Menyediakan manfaat indemniti mingguan sekiranya berlaku Hilang Upaya Separa Sementara atau Kekal.

4. Berapakah jenis dana yang terdapat untuk pelan ini ?

Terdapat 3 jenis dana berkaitan pelaburan untuk pelan ini :

- ◆ Dana HLMT i-Income
- ◆ Dana HLMT i-Balanced
- ◆ Dana HLMT i-Equity

Anda boleh mengetahui lebih lanjut dengan menyemak risalah Helaian Fakta Dana.

5. Adakah sumbangan yang dibayar untuk i-Care Rahmat layak untuk pelepasan cukai pendapatan ?

Ya. Sumbangan dibayar untuk pelan ini boleh melayakkan anda mendapat pelepasan cukai peribadi. Pelepasan cukai peribadi ini adalah sehingga RM6,000 bagi “Insurans Hayat dan EPF”, tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri.

6. Apakah pilihan mod dan cara pembayaran sumbangan?

Anda boleh membayar sumbangan sumbangan secara tahunan, separuh tahunan, suku tahunan dan bulanan melalui kad kredit, debit secara langsung, arahan tetap dan Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA).

7. Bagaimanakah unit bonus (Hibah) ini berfungsi di bawah pelan ini?

Unit bonus akan diperuntukkan ke dalam PIA pada setiap tarikh ulang tahun sijil, bermula pada permulaan tahun ketujuh sijil seperti berikut:

Permulaan Tahun Sijil	% Nilai Akaun
7	0.04
8	0.08
9	0.12
10	0.16
11 dan seterusnya	0.20

Unit bonus adalah dibayar daripada dana kami sebagai Hibah dan tidak dijamin. Kami berhak menyemak semula % nilai akaun di atas pada bila-bila masa.

NOTA PENTING :

- ◆ Risalah ini hanya memberikan ringkasan tentang ciri-ciri utama pelan ini dan tidak membentuk satu sijil Takaful. Anda hendaklah membaca Helaian Pendedahan Produk dan Ilustrasi Manfaat untuk maklumat tambahan dan sijil Takaful untuk terma dan syarat lengkap di bawah pelan ini.
- ◆ Anda harus berpuas hati bahawa pelan ini adalah yang terbaik untuk memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang perlu dibayar di bawah pelan ini adalah dalam kemampuan anda.
- ◆ Sekiranya pelan ini dibatalkan dalam tempoh bertenang 15 hari, Yuran Wakalah, nilai akaun (jika ada), sebarang Tabarru', caj perkhidmatan bulanan dan caj perkhidmatan perubatan (jika ada) yang telah ditolak selepas ditolak dengan perbelanjaan perubatan (jika ada) akan dipulangkan.
- ◆ **Pelan ini merupakan pelan Takaful berkaitan pelaburan yang terikat kepada prestasi aset dan ianya bukan satu produk pelaburan semata-mata seperti unit amanah.**
- ◆ Jika anda tidak membayar sumbangan, sijil anda akan terus berkuatkuasa, selagi nilai akaun di dalam PIA adalah mencukupi untuk menampung caj-caj yang berkaitan. Jika sebarang sumbangan masih tidak dibayar dalam tempoh tiga puluh (30) hari tempoh ihsan dari sumbangan terakhir dan PIA tidak mencukupi untuk menampung caj-caj sijil berkaitan, sijil anda akan luput.
- ◆ Pelan Takaful ini tidak akan menyediakan manfaat daripada PRF dan Hibah daripada kami sekiranya pelan ini ditamatkan, matang atau mencapai tarikh luput sijil ini.
- ◆ Penyertaan dalam sijil Takaful Keluarga sumbangan berkala adalah suatu komitmen jangka panjang. Adalah tidak dianjurkan untuk memegang pelan ini dalam tempoh masa yang singkat memandangkan kos permulaan yang tinggi.
- ◆ Jika anda membatalkan sijil anda lebih awal, anda mungkin akan menerima amaun sedikit daripada yang telah disumbangkan.
- ◆ Jika anda memerlukan maklumat tambahan tentang Takaful Keluarga, sila rujuk risalah Insuranceinfo mengenai "Takaful berkaitan Pelaburan" di mana-mana cawangan HLM Takaful, atau lawati www.insuranceinfo.com.my.
- ◆ Hong Leong MSIG Takaful Berhad ialah pengendali takaful yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

Diunderait oleh:

Hong Leong MSIG Takaful Berhad (738090-M)

Hong Leong MSIG Takaful Berhad merupakan ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, beberapa manfaat yang diinsuranskan di bawah sijil takaful yang ditawarkan oleh Hong Leong MSIG Takaful Berhad dilindungi oleh PIDM daripada kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful, sekiranya berlaku kegagalan sesebuah ahli penginsurans. Untuk maklumat lanjut mengenai had-had perlindungan dan skop perlindungan, sila dapatkan risalah maklumat PIDM dari Hong Leong MSIG Takaful Berhad atau layari laman web PIDM (www.pidm.gov.my) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).

Ibu Pejabat
Tingkat 5, Menara B, PJ City Development,
No. 15A, Jalan 219, Section 51A,
46100 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia.

Tel: 03-7650 1800 Fax: 03-7620 6730

Untuk keterangan lanjut, sila layari www.hlmtakaful.com.my

AHLI

